

SEJARAH RINGKAS KERAJAAN SRIVIJAYA, FUNAN, CHAMPA, KESULTANAN MELAYU MELAKA DAN KESULTANAN JOHOR-RIAU

Kerajaan Funan

Kerajaan Funan merupakan kerajaan Alam Melayu yang wujud pada awal abad pertama. Kerajaan Funan telah diasaskan oleh Kaundinya. Beliau merupakan seorang Brahmin beragama Hindu. Kerajaan Funan berpusat di Vyadhapura. Pembentukan dan pengukuhan kerajaan Funan berlaku selepas Kaundinya berkahwin dengan pemerintah di Sungai Mekong yang bernama Soma. Kemasyhuran kerajaan Funan terserlah ketika pemerintahan Fan Shih-nian. Pada zaman baginda, kerajaan Funan telah berkembang sehingga Sungai Mekong dan Teluk Cam Ranh. Seterusnya, baginda telah menguasai selatan Myanmar dan Segenting Kra. Peluasan kuasa ini membolehkan kerajaan Funan menguasai jalan perdagangan antara timur dengan barat. Kejayaan ini membolehkan kerajaan Funan menjadi pusat perdagangan utama di Alam Melayu. Pelabuhan utama kerajaan Funan ialah Pelabuhan Oc Eo. Pedagang luar yang sering berdagang di sini ialah pedagang China, India, Arab dan Parsi.

Bagi mengukuhkan kedudukannya, kerajaan Funan telah mengadakan hubungan dengan kerajaan luar seperti China dan India. Hubungan luar dengan China bermula pada abad ketiga apabila kerajaan Funan menghantar utusan ke China. Utusan ini bertujuan meminta bantuan China untuk melawan Dai Viet, iaitu musuh China. Sementara itu, hubungan dengan India juga bermula pada abad ketiga. Hubungan dengan India diadakan untuk tujuan perdagangan. Dengan hubungan ini, kerajaan Funan dapat memperkukuh hubungan perdagangan dua hala. Selain itu, hubungan ini juga bertujuan mendalami ilmu keagamaan.

Pemerintahan Funan mengamalkan pemerintahan beraja. Pemerintahan Funan dibantu oleh golongan agama dan juga golongan tentera. Pemerintah Funan menggunakan pelbagai gelaran bagi memperkukuh kedudukan mereka. Funan dibahagikan kepada tujuh buah wilayah. Setiap wilayah ini diperintah oleh putera raja yang dikenali sebagai Raja Kecil. Kerajaan Funan menggunakan bahasa Sanskrit sebagai bahasa perhubungan dan menggunakan tulisan orang Hu. Kerajaan Funan mula mengalami kemerosotan pada zaman pemerintahan Raja Funan terakhir, iaitu Rudravarman. Kemerosotan ini berlaku apabila Funan diserang oleh kerajaan Chenla pada abad keenam.

Kerajaan Champa

Kerajaan Champa merupakan kerajaan Alam Melayu yang muncul pada abad kedua. Kerajaan ini diasaskan oleh Chu-Lien pada tahun 192 Masihi yang berpusat di Indrapura. Pengukuhan kerajaan ini bermula dengan kejayaan kerajaan Champa membebaskan diri daripada pengaruh China. Champa juga sering mendapat tentangan daripada kerajaan Dai Viet. Namun begitu, kerajaan Champa berjaya menghadapi kerajaan ini sehingga dapat membunuh rajanya, Raja Tran Due Tong. Kejayaan ini berlaku di bawah pemerintahan Che Bong Nga. Baginda juga dikenali sebagai Red King (Raja Merah) dalam sejarah Vietnam. Baginda berjaya meluaskan tanah jajahan dari wilayah Dai Viet hingga Lembah Sungai Merah.

Kerajaan Champa juga telah mengadakan hubungan dengan kerajaan China. Utusan pertama telah dihantar pada abad ketiga untuk memulihkan hubungan dengan China setelah berperang dengan sekutu China, iaitu Dai Viet. Para pemerintah Champa menggunakan gelaran Rajadhiraja. Pemerintahan Champa dibantu oleh para pembesar. Kerajaan Champa dibahagikan kepada lima wilayah dan diperintah oleh pembesar.

Terdapat beberapa pelabuhan kerajaan Champa, iaitu Turan, Kamran, Sri Banoy dan Maliti. Masyarakat Champa menggunakan bahasa Melayu Champa dan bahasa Sanskrit sebagai bahasa pertuturan. Dari segi tulisan, mereka menggunakan tulisan Palava dan Champa kuno.

Kerajaan Champa merupakan antara kerajaan Alam Melayu yang paling lama bertahan, iaitu sehingga 1500 tahun. Kerajaan Champa mula mengalami kejatuhan setelah kematian pemerintahnya, iaitu Raja Indravarman. Kemangkatan baginda telah mencetuskan perang saudara dalam kerajaan Champa. Peluang ini digunakan oleh musuh lama kerajaan Champa, Dai Viet untuk menyerang Champa. Pada tahun 1471, kerajaan Champa berjaya ditawan oleh Dai Viet setelah beberapa siri serangan.

Kerajaan Srivijaya

Kerajaan Srivijaya diasaskan oleh Dapunta Hyang Sri Jayanasa pada tahun 683 Masihi di Palembang. Kerajaan ini berkembang menjadi empayar dengan kebijaksanaan dan kewibawaan pemerintahnya. Kerajaan Srivijaya berjaya menjadi kuasa perdagangan di Alam Melayu dengan menguasai jalan perdagangan laut antarabangsa, iaitu Selat Melaka dan juga Selat Sunda. Siri penaklukan hingga ke selatan Myanmar, Tanah Melayu dan Segenting Kra menjadikan Srivijaya empayar yang masyhur dan mempunyai wilayah pengaruh yang luas. Kerajaan ini juga terkenal sebagai pusat perkembangan dan pengajian agama Buddha di rantau Alam Melayu. Hubungan luar dengan kerajaan China membolehkan kerajaan Srivijaya mendapat pengiktirafan dari China dan menjadi pelindung kepada kapal pedagang China di Selat Melaka. Hubungan dengan India pula mewujudkan hubungan persahabatan yang erat, di samping tujuan keagamaan. Dalam perkataan Sanskrit “sri” bermaksud cahaya, manakala “vijaya” bermaksud kemenangan. Rahib China, I-Ching dalam catatannya menceritakan kehebatan kerajaan Srivijaya. Srivijaya berjaya mengendalikan jalan perdagangan di Selat Melaka, Selat Sunda, Laut China Selatan, Laut Jawa dan Selat Karimata. Kerajaan Srivijaya yang berkembang selepas kejatuhan kerajaan Funan mempunyai sistem pentadbiran yang sistematik. Dalam sistem pentadbiran, raja mempunyai pelbagai peranan seperti mempunyai kuasa dalam kehakiman, pungutan cukai dan perkara-perkara yang berkaitan dengan kesejahteraan rakyat. Pentadbiran dibantu oleh anak-anak raja, iaitu Yuvaraja, Pratiyuvaraja dan Rajakumara. Golongan agama, tentera dan hakim juga antara golongan yang membantu raja dalam pentadbiran. Empayar Srivijaya dibahagikan kepada beberapa mandala dan setiap mandala ini ditadbir oleh seorang datu. Datu terdiri daripada anak raja ataupun pembesar bukan keturunan raja.

Rakyat pula mempunyai tanggungjawab seperti berbakti kepada negara, membayar cukai, memberikan sumbangan tenaga, menerima kerahan tenaga untuk mempertahankan negara dan tidak menderhaka kepada raja. Raja Srivijaya dianggap sebagai inkarnasi daripada dewa Hindu, Amogapasha Avalokiteswara. Raja-raja Srivijaya juga dikatakan mempunyai unsur kesaktian yang memperkukuh kedudukan sebagai raja. Konsep daulat Raja Srivijaya muncul dengan pendewaan raja yang memerintah. Kepercayaan konsep daulat ini mewujudkan tradisi persetiaan antara golongan yang diperintah dengan yang memerintah. Bahasa Melayu menjadi bahasa utama dalam pentadbiran kerajaan Srivijaya. Penemuan batu-batu bersurat di Kedukan Bukit, Kota Kapur, Telaga Batu dan Talang Tuwo membuktikan pengaruh bahasa Melayu. Namun begitu, kemerosotan kerajaan ini bermula selepas serangan Raja Chola dari Selatan India pada tahun 1025. Sejak itu, kerajaan ini semakin lemah, maka kerajaan-kerajaan jajahan mula membebaskan diri. Kerajaan Melayu lain mula memberikan saingan kepada Srivijaya, terutamanya kerajaan Jambi.

Kesultanan Melayu Melaka

Kesultanan Melayu Melaka diasaskan sekitar tahun 1400 oleh Parameswara. Parameswara merupakan putera Palembang. Selepas kemerosotan kerajaan Srivijaya, kerajaan Majapahit muncul sebagai kuasa baharu di Alam Melayu. Kerajaan ini berjaya menguasai beberapa kawasan seperti Palembang dan Temasik (sekarang Singapura). Parameswara dan ayahandanya berjuang mempertahankan Palembang, namun gagal. Kegagalan ini menyebabkan Parameswara dan orang-orangnya melarikan diri ke Temasik. Selepas masalah timbul di Temasik akibat pembunuhan pemerintah Temasik oleh Parameswara, beliau terpaksa berpindah ke tempat lain, akhirnya ke perkampungan nelayan. Potensi kawasan ini dapat dikenal pasti oleh Parameswara. Kawasan ini mula dikenali sebagai Melaka. Terdapat beberapa sumber yang dikaitkan dengan nama Melaka. Mengikut *Sejarah Melayu*, Melaka mendapat nama bersempena dengan nama pokok Melaka. Para pedagang Arab menggunakan “Malakat” untuk Melaka kerana “Malakat” bermaksud perhimpunan segala dagang. Mereka juga menggelarnya sebagai “Mulaqah” yang bermaksud pertemuan. Dalam bahasa Sanskrit pula, Melaka mendapat nama daripada sejenis pokok, iaitu “Amalaka”, pokok yang mempunyai buah yang masam. Mengikut ajaran Hindu pula, “Amalaka” merupakan pokok yang pertama tumbuh di alam semesta. Menurut buku *The Suma Oriental* oleh Tome Pires, nama Melaka berasal daripada perkataan “Malaqa” yang bermaksud tempat perlindungan.

Melaka terletak di lokasi yang strategik, iaitu di laluan perdagangan timur dan barat. Melaka juga selamat kerana terlindung daripada tiupan angin monsun. Bentuk muka bumi Melaka berbukit-bukau dan mempunyai benteng pertahanan semula jadi, iaitu pokok bakau dan api-api. Faktor-faktor ini menyumbang kepada kemunculan Melaka sebagai pelabuhan perdagangan antarabangsa yang terkenal dan seterusnya menjadi empayar yang terkenal. Melaka berkembang sebagai pelabuhan entrepot antarabangsa. Bagi menjamin keselamatan dan kedaulatan, Kesultanan Melayu Melaka menjalinkan hubungan dengan negara China. Kesultanan Melayu Melaka juga menjalinkan hubungan dengan Ryukyu (Jepun), Siam, Pasai, Demak, Pegu, Luzon dan Gujerat. Hubungan ini mengukuhkan kedaulatan Melaka dan berjaya menjamin keselamatan Kesultanan Melayu Melaka.

Kesultanan Melayu Melaka berkembang menjadi sebuah empayar yang masyhur dan agung. Peluasan empayar dilaksanakan dengan tiga cara, iaitu penaklukan, perkahwinan dan naungan. Peluasan kuasa bermula ketika pemerintahan Sultan Muzaffar Shah yang meluaskan jajahan takluk ke Pahang, Inderagiri dan Kampar. Semasa pemerintahan Sultan Mansur Shah pula, baginda meluaskan jajahan sehingga Bernam, Perak dan Siak. Pengganti baginda, Sultan Alauddin Riayat Shah telah menguasai Aru. Di samping itu, Kesultanan Melayu Melaka bergiat aktif dalam penyebaran agama Islam ke seluruh jajahan. Kesultanan Melayu Melaka telah wujud sebagai pusat penyebaran Islam yang unggul di Alam Melayu pada abad ke-15. Penyebaran agama Islam pada Kesultanan Melayu Melaka berlaku melalui pengislaman pemerintah, perkahwinan, peranan ulama dan mubaligh, melalui perdagangan dan akhirnya peluasan kuasa. Perkembangan Islam di Kesultanan Melayu Melaka menjadikannya sebagai tempat tumpuan ulama dan pendakwah, selain tempat pembelajaran agama Islam.

Perkembangan dan kemasyhuran Kesultanan Melayu Melaka disebabkan oleh kepimpinan pemerintah. Raja merupakan ketua pemerintah yang mempunyai kuasa tertinggi. Kepimpinan raja yang adil dan berwibawa memberikan keyakinan dan menjaga keselamatan rakyat. Selain itu, sistem pentadbiran Pembesar Empat Lipatan yang teratur dan sistematik membantu melancarkan pentadbiran Kesultanan Melayu Melaka. Kepimpinan raja dibantu oleh pembesar yang berwibawa.

Antara pembesar yang terkenal termasuklah Bendahara Tun Perak yang telah berkhidmat untuk empat orang Sultan Melaka. Kesultanan Melayu Melaka mencapai zaman kegemilangan pada masa pemerintahan Sultan Mansur Shah. Kejayaan Kesultanan Melayu Melaka mewujudkan sebuah empayar yang terkenal dan luas merupakan penyambung kepada keagungan kerajaan Srivijaya.

Keagungan dan kemasyhuran Kesultanan Melayu Melaka mula merosot pada zaman pemerintahan Sultan Mahmud Shah. Kemerosotan ini dikaitkan dengan beberapa faktor. Antaranya termasuklah kelemahan dalam pentadbiran Sultan Mahmud Shah. Baginda membunuh Bendahara Tun Mutahir dan seluruh ahli keluarga tanpa usul periksa. Baginda termakan fitnah yang disebarikan oleh pembesar lain yang tidak berpuas hati dengan Bendahara Tun Mutahir yang dikatakan pilih kasih. Masalah seterusnya ialah perpaduan dalam kalangan pembesar Melaka ketika pemerintahan Sultan Mahmud Shah. Pembunuhan Bendahara Tun Mutahir menyebabkan pembesar dan rakyat berpecah. Perkara ini menjejaskan keutuhan pentadbiran kerajaan. Secara tidak langsung perpecahan ini menyebabkan kegiatan perdagangan terjejas. Kegemilangan Kesultanan Melayu Melaka berakhir dengan kedatangan Portugis ke Melaka. Portugis belayar ke timur untuk menguasai perdagangan rempah yang dimonopoli oleh pedagang Islam di Timur. Pada tahun 1509, wakil Portugis, Lopez de Sequeira dan pasukannya tiba untuk memulakan hubungan persahabatan. Kedatangan wakil Portugis ini disambut baik oleh Sultan Mahmud Shah. Baginda membenarkan Portugis berniaga di Melaka. Hasil nasihat pedagang Islam Jawa dan Gujerat yang mengatakan bahawa kedatangan Portugis bertujuan menguasai perdagangan dan menentang Islam, baginda mengarahkan wakil Portugis ditangkap. Namun begitu, Lopez de Sequeira berjaya melarikan diri ke Goa. Raja Portugal telah menghantar pasukan tentera pimpinan Alfonso de Albuquerque untuk menyerang Melaka. Kegagalan rundingan antara Portugis dengan Sultan Mahmud Shah menyebabkan Portugis menyerang Melaka. Portugis melancarkan tiga kali serangan. Portugis hanya berjaya menakluki Melaka pada serangan ketiga. Pada 24 Ogos 1511, Melaka jatuh ke tangan Portugis. Sultan Mahmud Shah terpaksa berundur ke beberapa wilayah sebelum bertapak di Bentan. Kejatuhan Kesultanan Melayu Melaka tidak bererti berakhirnya Kesultanan Melayu Melaka, malah diteruskan oleh Kesultanan Johor-Riau.

Kesultanan Johor-Riau

Pewaris legasi Kesultanan Melayu Melaka ialah Kesultanan Johor-Riau. Kesultanan ini diasaskan oleh waris Kesultanan Melayu Melaka. Sultan Mahmud yang melarikan diri dari Melaka telah berkota di beberapa tempat. Portugis menyerang kota Sultan Mahmud di Pulau Bintan pada tahun 1526. Sultan Mahmud terpaksa melarikan diri ke Kampar dan baginda mangkat di sini pada tahun 1528.

Raja Ali merupakan pengasas Kesultanan Johor-Riau pada tahun 1528. Baginda ialah putera Sultan Mahmud Shah dan Tun Fatimah. Setelah menaiki takhta, baginda menggunakan gelaran Sultan Alauddin Riayat Shah 1. Raja Ali membina pusat pemerintahan di Kota Kara, Pekan Tua, Johor, pada tahun 1528 dengan bantuan Bendahara Seri Nara Diraja. Kota Kara yang dikelilingi oleh kawasan berbukit menjadikan Kota Kara selamat daripada ancaman luar. Kedudukannya berhampiran dengan sungai yang lebar dan dalam memudahkan kapal-kapal keluar dan masuk.

Namun begitu, pusat pemerintahan ini tidak kekal lama kerana Portugis telah menyerang dan memusnahkannya pada tahun 1535. Sultan Alauddin Riayat Shah 1 terpaksa berundur ke Kota Sayong. Baginda membuka pusat pemerintahan di Kota Sayong. Kota Sayong dikatakan lebih selamat kerana laluan sungai yang sempit akan menyukarkan kapal perang musuh melepainya. Selepas beberapa tahun, baginda mengambil keputusan untuk memindahkan pusat

pemerintahannya. Baginda berpindah ke Kota Batu, Johor Lama, pada tahun 1540. Kesultanan Johor-Riau bertapak hampir 300 tahun. Kesultanan ini diperintah oleh sultan daripada beberapa keturunan. Pemerintahan Johor-Riau dari tahun 1528 hingga tahun 1699, diperintah oleh waris keturunan Kesultanan Melayu Melaka. Dari tahun 1699 pula tampuk pemerintahan Johor-Riau diteruskan oleh sultan daripada keturunan Bendahara Johor. Selepas tahun 1855, kerajaan Johor diterajui oleh waris keturunan temenggung. Kesultanan Johor-Riau muncul sebagai kerajaan yang gemilang dalam perdagangan pada abad ke-16 dan ke-17. Pelabuhan kerajaan Johor-Riau menjadi tumpuan para pedagang dari China, Gujerat, Belanda dan Inggeris. Pelabuhan Johor-Riau juga menjadi pusat pertukaran barangan keluaran Alam Melayu dengan barangan dari China, India dan Arab. Pelabuhan ini mula sibuk dengan kedatangan beratus-ratus kapal dari pelbagai tempat. Pelbagai kemudahan pelabuhan disediakan oleh kerajaan bagi memudahkan para pedagang menjalankan urusan perdagangan di Pelabuhan Johor-Riau.

Kesultanan Johor-Riau berhadapan dengan pelbagai cabaran dalam usaha mengekalkan pemerintahannya. Perang Tiga Segi merupakan antara cabaran yang dihadapi oleh Kesultanan Johor-Riau. Perang ini melibatkan tiga kuasa, iaitu Johor, Aceh dan Portugis yang mahu menguasai perdagangan di Selat Melaka. Ketiga-tiga kuasa ini menyerang antara satu sama lain. Perang ini berlaku hampir 100 tahun. Penaklukan Melaka oleh Belanda dengan bantuan Johor menamatkan peperangan ini. Belanda berjaya mengusir Portugis dari Melaka. Kerajaan Aceh pula tidak berupaya meneruskan perang selepas kemangkatan pemerintah Aceh, Sultan Iskandar Thani. Cabaran seterusnya ialah Perang Johor-Jambi. Perang ini berlangsung dari tahun 1659 hingga tahun 1679. Dalam perang ini juga, Johor berjaya mengalahkan Jambi dan Jambi tunduk di bawah naungan Johor. Kesultanan Johor menghadapi cabaran daripada Raja Kechil yang mendakwa dirinya putera kepada Sultan Mahmud Shah 1. Raja Kechil mengisytiharkan dirinya sebagai Sultan Johor-Riau dan menggunakan gelaran Sultan Abdul Jalil Rahmat Shah. Namun begitu, dengan bantuan daripada Opu Bugis Lima Bersaudara, Raja Kechil dapat dikalahkan pada bulan Oktober 1722. Raja Sulaiman, iaitu putera Sultan Abdul Jalil Riayat Shah IV ditabalkan sebagai Sultan Johor. Baginda menggunakan gelaran Sultan Sulaiman Badrul Alam Shah. Selain itu, kerajaan Johor juga menghadapi masalah dalaman antara pembesar. Bendahara Tun Habib Abdul Majid bersaing dengan Laksamana Tun Abdul Jamil untuk menguasai pemerintahan Kesultanan Johor-Riau. Keturunan Bendahara kembali berkuasa dalam pemerintahan Kesultanan Johor-Riau selepas pengunduran Laksamana Tun Abdul Jalil ke Terengganu. Kewibawaan Kesultanan Johor-Riau tidak terganggu dengan cabaran yang dihadapinya.